

CHE MOHD AZIZ Yaacob
Universiti Sains Malaysia

ASIMILASI BANGSA MELAYU DI PATANI: KEBERKESANAN DASAR DAN SURVIVAL BUDAYA MINORITI

THE ASSIMILATION OF THE MALAYS IN PATANI: THE EFFECTIVENESS OF POLICIES AND SURVIVAL OF THE MINORITY CULTURE

Konflik Patani merupakan rentetan pertembungan dua budaya dan identiti manusia yang berbeza yang melibatkan Orang Melayu Islam Patani (OMIP) dan Orang Thai Buddha. Pertembungan yang masih belum berkesudahan ini bermula apabila OMIP bangkit secara kekerasan (setelah cara lembut tidak berjaya) untuk mempertahankan identiti dan budaya mereka daripada polisi-polisi kerajaan Thailand yang dilihat cuba mengasimilasikan OMIP ke dalam identiti dan budaya Thai-Buddha. OMIP merasakan polisi asimilasi ini menafikan hak golongan minoriti dan tidak membawa apa-apa kebaikan kepada mereka. Manakala di pihak kerajaan Thailand, polisi-polisi yang dilaksanakan dilihat sesuatu yang positif bagi negara Thailand kerana ia dapat membentuk penyatuan rakyat melalui kesamaan identiti dan seterusnya bekerjasama untuk membangunkan negara. Namun begitu, polisi ini dilihat menyentuh nilai-nilai OMIP seperti identiti dan budaya Melayu yang sememangnya tidak boleh dikompromi. OMIP pastinya tidak akan meninggalkan agama Islam yang dianuti semata-mata untuk kepentingan negara. Begitu juga dengan bahasa, bangsa dan budaya Melayu yang dimiliki pastinya tidak akan ditinggalkan sama sekali. Walaupun begitu, desakan daripada kerajaan Thailand menyebabkan OMIP bangkit menentang dalam pelbagai cara yang dirasakan sesuai sehinggalah kepada mengangkat senjata pada hari ini. Tindakan kekerasan ini akhirnya mengundang keburukan ke atas OMIP apabila kerajaan Thailand menggunakan pendekatan-pendekatan yang keras berbentuk paksaan. Justeru, artikel ini membincangkan tentang usaha-usaha dan 'survival' OMIP untuk mempertahankan hak dalam mengamal identiti dan budaya mereka sepanjang konflik ini berlangsung. Tumpuan utama adalah melihat kepada aspek identiti dan budaya OMIP yang mengalami asimilasi, tindakbalas dan kesannya terhadap kelompok orang Melayu pada hari ini.

Kata kunci: *selatan Thailand, asimilasi, dasar-dasar kerajaan Thailand, OMIP*

The Patani conflict is a consequential clash of two different cultures and the identity of peoples involving the Patani Malay Muslims (OMIP) and the Thai Buddhists or Siamese. The clash turned into a conflict when OMIP took a violent uprising (after histories of diplomatic attempts) to defend their identity and culture from the Thai government's policies that are seen trying to assimilate them to the Thai-Buddhist society. They feel that the assimilation policies were denying their rights as a minorities (within the Thai state) and do not bring any benefit to them. Meanwhile, the Thai government implemented policies because of its positive perception on the need to consolidate the identity of the people as a requisite for them to work together and develop the country. However, this policy is seen touching the OMIP values such as the Malay identity and culture, and therefore could not be compromised. They will certainly not leave the professed religion of Islam solely for national interest. Similarly, language, race and belongingness to the Malay culture cannot be changed. However, pressure and coercive approaches from the Thai government against the OMIP in various ways were deemed unacceptable that it led them to take up arms until today. Ultimately, these violent acts has given a negative impact to the OMIP. Hence, this article discusses the efforts and the survival of OMIP in its effort to defend their cultural identity. The main focus looks at the aspects of cultural identity and the experiences of assimilation of the OMIP, and their reactions as a community that is greatly affected by this assimilation process.

Keywords: *southern Thailand, assimilation, Thailand government's policies, OMIP*

Pengenalan

Patani, Narathiwat dan Yala merupakan sebahagian daripada 15 wilayah negara Thailand yang terdapat di selatan.¹ Apa yang menarik di tiga wilayah ini selain daripada tanahnya yang subur dan sumber alam yang belum terusik, majoriti penduduknya adalah bangsa Melayu yang mengamalkan budaya dan identiti yang jauh berbeza dengan budaya Thailand. Namun, jika dibandingkan dengan penduduk Thai-Buddha di 76 wilayah lain, OMIP merupakan kelompok minoriti. Akibat daripada perbezaan ini, tiga wilayah ini sering kali mengalami episod konflik yang berulang-ulang dan mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda. Tahun 2004 merupakan detik perletusan kembali konflik di Patani dimulai dengan kejadian serangan dan rompak senjata ke atas sebuah kem tentera di wilayah Narathiwat oleh kumpulan yang tidak

dikenali (Danial 2004:1). Bermula dari itu, intensiti konflik meningkat secara mendadak sehingga memaksa kerajaan Thailand mengisytiharkan darurat ketenteraan di Patani. Polisi darurat ketenteraan ini telah menyebabkan kemasukan pasukan tentera dan polis dalam jumlah yang ramai ke wilayah terbabit bertujuan menjaga keamanan dan keselamatan penduduk awam. Walau bagaimanapun, sejak polisi ini dilaksanakan pada tahun 2004 sehingga sekarang didapati masih belum berjaya mengatasi keganasan yang timbul. Serangan seperti pengeboman, tembak curi, pemenggalan kepala, bakar sekolah dan lain-lain lagi masih lagi berlaku.

Menurut Srisompob Jitpiromsri (2010), seorang pensyarah dan penyelidik dari *Prince of Songkhla University*, antara Januari 2004 hingga Januari 2010 seramai 4,100 orang telah terbunuh dan 6,509 tercedera melibatkan 9,446 insiden. Keadaan ini memberi kesan kepada penduduk tempatan apabila mereka merasa tidak selamat kerana setiap kejadian berlaku melibatkan serangan antara kaum. Orang Thai khususnya yang minoriti di tiga wilayah sering berasa bimbang akan keselamatan mereka. Begitu juga dengan orang Melayu khususnya golongan agama seperti imam dan ustaz yang mana sering menjadi sasaran pembunuhan. Keadaan ini menunjukkan bahawa penduduk tiga wilayah ini masih lagi tidak selamat, malahan semakin parah apabila ia membawa kepada perasaan prejudis dan stereotaip di antara kedua kelompok. Justeru, artikel ini adalah untuk membincangkan tentang perjuangan OMIP dalam usaha mereka untuk mempertahankan identiti dan budaya Melayu. Perbincangan ini bermula dengan melihat kepada sejarah kewujudan bangsa Melayu dari segi pembentukan budaya Melayu dan penerimaan Islam di Patani. Selain itu, artikel ini turut membincangkan sejarah konflik, dasar asimilasi kerajaan Thailand dan tindakbalas OMIP terhadap dasar tersebut. Tindakbalas OMIP adalah untuk mempertahankan identiti dan budaya mereka daripada diasimilasi. Bagi memperkemaskan penganalisaan, teori-teori dan pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam pendekatan konflik dan perdamaian turut dibincangkan.

Sejarah Kewujudan Orang Patani dan Budaya Melayu

Seperti mana yang dibincangkan sebelum ini, OMIP merupakan sebuah bangsa yang berdaulat dan mempunyai negeri sendiri yang dikenali sebagai Patani. Negeri ini diperintah oleh kerajaan Kesultanan Melayu Patani sepertimana yang ada di Tanah Melayu seperti kerajaan Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Melayu Johor, dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, negeri Patani mengalami zaman keruntuhan apabila dijajah oleh kerajaan Siam pada tahun 1786 dan kemudiannya dipecah-pecahkan menjadi wilayah-wilayah kecil.² Perkembangan tamadun Melayu Patani berkait rapat dengan sejarah perkembangan penduduk di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini kerana dari sudut persempadanan geografi, Patani juga merupakan sebahagian

Semenanjung Tanah Melayu yang berada di bahagian utara. Menurut Ibrahim Syukri, kedudukan negeri-negeri di utara Tanah Melayu meliputi Segenting Kra atau Nakhorn Sri Thamarat yang terdapat dalam negara Thailand pada hari ini. Manakala di sebelah selatan, Tanah Melayu diliputi Singapura (Shukri 2002:16).

Sebelum membentuk kerajaan Melayu Patani, negeri ini sebahagian daripada kerajaan Langkasuka yang terbentuk pada awal tahun masehi. Menurut Mohd Zamberi A. Malek (2006), Patani merupakan tapak lokasi kerajaan Langkasuka pada masa kini.³ Dakwaan ini dibuktikan dengan adanya permainan wayang kulit yang wujud di Patani yang berasal daripada terjemahan kitab *Ramayana* yang terdapat dalam agama Hindu. Selain itu juga terdapat pelbagai hikayat Melayu yang bercorak Hindu. Antaranya, Hikayat *Pandawa Lima*, *Hikayat Indera Sakti* dan lain-lain lagi. Kenyataan ini juga turut dipersetujui oleh Seni Madakul, pensyarah Kaji Manusia dan Sosial dari *Prince of Songkhla University* yang dipetik melalui buku pengantar sejarah Patani tulisan Ahmad Fathy al-Fatani yang turut menyatakan kerajaan Langkasuka terletak di Patani. Menurut kajian Sir John Braddell dalam tulisan yang sama menyatakan kerajaan Langkasuka merangkumi Pantai Timur Tanah Semenanjung mulai daripada Senggora, Patani, Kelantan hingga ke Terengganu (Al-Fatani 1994:3). Keagungan kerajaan Langkasuka tidak bertahan lama apabila serangan oleh kerajaan Seri Wijaya pada 775 Masehi sedikit sebanyak membawa pengaruh Jawa dan agama Buddha.⁴

Pengaruh ini dapat dilihat melalui sastra Melayu seperti *Hikayat Cekel Weneng Pati*, *Hikayat Raja Kuripan*, dan syair-syair seperti *Kan Tambuhan*, *Panji Semerang* dan banyak lagi (Mohd Zamberi 2006:6). Keadaan ini menunjukkan bahawa Seri Wijaya turut mempengaruhi orang Patani dari aspek bahasa. Bahasa Melayu yang dipertuturkan di Patani pada hari ini dipercayai dipengaruhi oleh Seri Wijaya (Al-Fatani 1994:8). Dari sudut bangsa, orang Melayu yang menetap di Patani dan juga negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu adalah berasal daripada Pulau Sumatera. Mereka pada awalnya didatangi oleh orang Hindu dan bercampur gaul sehinggalah membentuk bangsa manusia yang menggelar diri mereka sebagai 'Orang Melayu' yang membawa maksud orang mulia. Kemudiannya mereka mula berhijrah ke Tanah Melayu sehinggalah membentuk kerajaan Langkasuka yang berpengaruh Hindu (Syukri 2002:22-23). Menurut Ahmad Fathy, bangsa yang mula-mula menduduki Tanah Melayu adalah suku *Javanese-Malay* yang kemudiannya menurunkan keturunan Melayu Patani di selatan Thailand sekarang (Al-Fatani 1994:3). Kehadiran suku ini telah bercampur gaul dengan orang-orang Siam yang datang dari utara sehinggalah membentuk bangsa Melayu Patani.

Justeru, kewujudan orang Melayu Patani adalah berasal daripada tiga suku utama yang saling berkacukan iaitu orang Hindu dari India, orang Jawa dari Sumatera dan orang Siam dari tanah Siam. Setelah membentuk

satu bangsa Melayu yang beragama Hindu, maka Langkasuka kemudiannya telah didatangi oleh pengaruh-pengaruh luar sehingga terbentuknya budaya dan identiti seperti mana yang diamalkan di Patani pada hari ini. Antaranya kedatangan agama Islam pada tahun 800 Masehi telah mengubah segala struktur masyarakat di Patani (Sheehan 1934:11). Islam boleh dikatakan menjadi agen kepada perubahan budaya dan identiti mereka apabila Raja dan rakyat yang memeluk agama Islam bertindak mengubah suai budaya Hindu dan Buddha yang diamalkan sebelum ini mengikut ajaran Islam. Manakala pendakwah Islam yang juga menjadi pedagang-pedagang dari Barat dan Timur sama ada dari benua Arab, India dan China bertindak menjadi tenaga pengajar di istana mahupun di tempat-tempat awam. Justeru, Islam telah menjadi agama tetap bagi orang Melayu Patani walaupun sebelum ini Patani dipengaruhi pelbagai budaya dan agama. Patani sebelum ini dijajah oleh Seri Wijaya, Majapahit dan Siam yang telah mendedahkan mereka dengan pelbagai budaya dan agama. Penjajahan ini boleh dikatakan sebagai rentetan pembentukan peradaban atau tamadun Melayu yang unggul. Orang Melayu Patani menerima budaya-budaya luar ini tetapi melalui proses penilaian dan penyaringan sejajar dengan syariat Islam (Mohd Zamberfi 1994:190-191).

Pembentukan budaya dan adat Melayu ini telah membawa kepada kemajuan bagi bangsa Melayu di Patani, di samping mempunyai sistem pemerintahan beraja, ekonomi dan agama yang tersendiri. Oleh itu, adat dan budaya yang diamalkan oleh orang Melayu Patani hari ini mempunyai pengaruh Hindu, Jawa dan Islam. Antara adat-adat yang masih diamalkan hingga sekarang yang dipercayai mempunyai pengaruh Hindu seperti Adat Melenggang Perut, Adat Sewaktu Bersalin, Adat Bercukur Kepala, Adat Berpantang Selepas Bersalin dan Adat Ikat Tali Tangan. Manakala budaya yang disesuaikan dengan syariat Islam seperti Adat Menyerah Anak Mengaji, Adat Sewaktu Bersunat atau Masuk Jawi, Adat Perkahwinan, Adat Mendirikan Rumah dan lain-lain lagi. Dari sudut kepercayaan, orang Patani juga tidak boleh lari dari melakukan kegiatan pemujaan dipengaruhi oleh budaya Jawa (Seri Wijaya) seperti Puja pantai, Puja buaya, Hantu Laut, Pantang Larang di Laut dan lain-lain lagi.⁵

Walaupun begitu, aktiviti pemujaan ini sudah semakin terhakis memandangkan masyarakat Melayu Patani mulai sedar akan pertentangan aktiviti ini dengan syariat Islam. Kesedaran ini timbul apabila ramai di kalangan mereka yang mula menguasai agama Islam khususnya anak-anak muda yang mendapat pendidikan dari sekolah-sekolah pondok dan Timur Tengah. Justeru, pembentukan identiti bangsa Melayu Patani dan budayanya adalah berteras kepada agama Islam yang mana menjadi indikator dan panduan penganut untuk menerima budaya-budaya dari luar. Sejarah peradaban dan tamadun orang Melayu Patani pada hari ini adalah sama dengan orang Melayu di Semenanjung memandangkan ia berada dalam kelompok yang sama tetapi mempunyai perbezaan dari segi persempadanan wilayah. Hari ini kita boleh

lihat ramai di kalangan orang Patani yang masih memakai baju Melayu, baju kurung, baju kebaya, bersongkok dan lain-lain lagi. Dari sudut bahasa, mereka bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani yang seakan sama dengan dialek pertuturan orang negeri Kelantan. Oleh itu, jaringan kehidupan di kalangan orang Patani dengan orang Melayu di Malaysia tidak pernah putus kerana mereka mempunyai kesamaan dari segi budaya dan identiti.

Kerangka Konsep dan Pembolehubah Transformasi Isu dan Struktur Konflik

Menurut Vayrynen (1991:5), transformasi terhadap sesuatu konflik bergantung kepada takrifan yang dibuat oleh aktor-aktor terhadap isu-isu yang dimainkan dalam konflik. Transformasi ini berlaku apabila mereka mengubah kedudukan dan keputusan sehingga isu-isu sebelum ini tenggelam serta meningkatkan isu-isu baru. Proses untuk mengubah kedudukan dan keputusan aktor-aktor konflik adalah merujuk kepada isu-isu yang susah diselesaikan terutamanya yang melibatkan nilai-nilai hidup. Jika melibatkan isu agama, identiti, budaya dan sejarah maka ia boleh diubah kepada isu-isu yang boleh dirunding seperti tanah, ekonomi, pendidikan dan lain-lain lagi. Perundingan yang dijalankan akan boleh melahirkan kompromi di antara kedua belah pihak khususnya perkara-perkara yang boleh dibahagikan sama rata. Selain itu, kita juga boleh melihat kepada isu-isu yang dikongsikan bersama yang mana kedua belah pihak akan dapat bersatu bersama-sama membangunkan isu-isu tersebut. Sebagai contoh, konflik Aceh yang berjaya diselesaikan selepas kejadian tsunami pada tahun 2004 disebabkan isu konflik ditransformkan membentuk isu bersama di antara kerajaan Indonesia dan juga Gerakan Aceh Merdeka (GAM) untuk mengurus mangsa dan pembangunan Aceh.

Transformasi struktur pula merujuk kepada perubahan yang berlaku dalam elemen-elemen seperti aktor-aktor, kedudukan, kepentingan, isu-isu, perhubungan, nilai-nilai dan keperluan dalam konflik. Ia juga melibatkan struktur sosial seperti ekonomi, politik, pendidikan, persempadanan geografi, mahkamah, jaringan komunikasi, kaedah membuat keputusan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, Miall (2011:77) menegaskan konflik yang berbentuk asimetrik sukar ditransformasikan kerana ia melibatkan ketidakseimbangan kuasa di peringkat akar konflik. Namun, ia boleh dilakukan secara beransur-ansur mengikut perubahan persekitaran yang mungkin boleh dibantu oleh aktor-aktor dalam dan luar wilayah konflik. Hugh Miall mengemukakan cadangan ini berdasarkan kajian kes di benua Afrika. Beliau mengemukakan contoh pergerakan *Steve Biko's 'Black Consciousness'* yang bertujuan meningkatkan kesedaran penduduk tempatan di bandar-bandar tentang penindasan kulit putih ke atas kulit hitam. Begitu juga dengan pergerakan anti apartheid yang mana berjaya menekan pelabur-pelabur dari luar keluar dari Afrika Selatan sebelum tamatnya rejim apartheid. Walaupun begitu, banyak demonstrasi dilakukan

untuk menekan pihak kerajaan kulit putih tetapi tidak berjaya kerana kekuasaan dan kepentingan ekonomi dimiliki oleh orang kulit putih.

Isu-isu Kritis dalam Konflik

Konflik semestinya mempunyai isu-isu yang menjadi perebutan di antara kedua belah pihak. Menurut Simon Fisher, Dekha Ibrahim, Jawed Ludin, Richard Smith, Steveb Williams dan Sue Williams, terdapat lima isu yang menjadi persoalan asas penganalisaan isu-isu konflik. Antaranya ialah kekuasaan, budaya, identiti, hak asasi dan gender (Fisher et.al. 2001:37). Daripada kelima-lima entiti ini, hanya empat sahaja yang dapat merungkaikan persoalan konflik di selatan Thailand. Manakala isu tentang gender seakan tidak relevan dengan perbincangan.

Kekuasaan

Kekuasaan merujuk kepada kekuatan, legitimasi, otoriti dan keupayaan untuk pemaksaan yang dimiliki oleh individu, kelompok masyarakat dan kerajaan. Dalam konteks konflik, kuasa yang dimiliki bersifat subjektif dan tidak boleh dihitungkan dan ia hanya dapat dirasai dalam perhubungan antara kedua pihak yang berkonflik. K. Ramanathan (1992:79) dalam buku teks *Asas Sains Politik* tulisannya menjelaskan kuasa hanya boleh dilihat apabila sesuatu perkara berlaku, tambahnya lagi konsep kuasa selalunya dihubungkan dengan raja dan Tuhan selain penting dalam perhubungan politik setempat dan antarabangsa. Sesebuah negara, pertubuhan mahupun individu yang terlibat dalam konflik akan mencari sumber kuasa supaya dapat meningkatkan keupayaan yang sedia ada bagi mencapai keinginan mereka. Antara sumber-sumber kuasa ialah otoriti, penguasaan sumber hidup, jaringan dalam perhubungan, kemampuan, maklumat dan keperibadian.⁶ Pertama, otoriti merujuk kepada peranan individu atau organisasi dalam kehidupannya yang terhasil daripada peraturan, norma-norma, adat budaya, polisi seperti bapa mempunyai kuasa ke atas isteri dan anak-anaknya. Dalam konteks masyarakat, contoh-contoh yang jelas seperti sistem kasta, suku kaum dan elit dalam masyarakat.

Kedua, penguasaan sumber hidup merujuk kepada individu atau kelompok masyarakat yang memiliki sumber keupayaan hidup seperti teknologi, kewangan dan sebagainya lagi. Keadaan ini akan menyebabkan berlaku pergantungan oleh pihak yang tiada sumber daya. Contoh, Malaysia bergantung kepada pelaburan dan kuasa beli Amerika Syarikat dalam pembangunan ekonomi dan pemasaran produk negara. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kuasa kepada Amerika Syarikat kerana pergantungan Malaysia dalam memajukan ekonomi negara. Ketiga, jaringan dalam perhubungan merujuk kepada seberapa ramai pihak yang mempunyai hubungan dengan individu atau kelompok masyarakat tersebut. Semakin ramai dikenali

maka semakin berkembanglah pengaruh dan ini akan dapat mewujudkan kuasa. Keempat, kemampuan merujuk kepada pengetahuan yang dimiliki mengenai sesuatu perkara. Keadaan ini mewujudkan pergantungan daripada pihak lain yang lemah pengetahuannya dan ini mendatangkan kekuasaan apabila sesuatu aktiviti yang ingin dijalankan tidak akan berjaya sekiranya tiada pihak yang memiliki pengetahuan. Kelima, maklumat yang mana individu atau kelompok masyarakat yang memanipulasikan maklumat untuk menyebarkan pengaruh mereka. Keenam, keperibadian yang merujuk kepada kombinasi sifat seperti bijaksana, keyakinan diri, sikap, daya tarikan, karisma, tenaga, ketulusan, latar belakang dan perkerjaan yang pernah dilakukan. Semua ini akan dapat meningkatkan kredibiliti serta pengaruh di mata orang lain.

Budaya, Agama dan Identiti

Budaya merupakan kebiasaan atau nilai-nilai yang tertentu yang diakui secara umum oleh sesuatu kelompok masyarakat yang tinggal di suatu tempat tertentu (K. Ramanathan 1992:41). Oleh itu, budaya dianggap sebagai panduan penganutnya dalam menentukan cara berfikir dan bertindak. Kamarulzaman Askandar dalam bukunya *Budaya perdamaian budaya kita* (2006) turut berpendapat bahawa budaya dan agama merupakan perkara yang mustahak dalam kehidupan kerana mereka berfungsi sebagai rangka kehidupan dan mempengaruhi cara bagaimana individu atau kelompok itu melihat dan melakukan sesuatu.⁷ Selalunya budaya ini akan dihormati dan dipertahankan daripada pengaruh atau anasir-anasir luar. Dalam konteks konflik, pengaruh budaya berperanan penting dalam menentukan cara berfikir dan bertindak aktor-aktornya. Kaedah berfikir ini akan diatur oleh budaya bagi memahami sesuatu yang berlaku di sekitarnya seterusnya melahir keputusan untuk bertindak. Apabila melibatkan hubungan dengan kelompok lain, selalunya keputusan yang dibuat mendatangkan konflik kerana penilaian dan pemahaman yang digunakan untuk membuat keputusan berdasarkan budayanya sendiri. Tambahan lagi, setiap budaya mempunyai kaedah komunikasinya sendiri sehingga tidak mampu untuk mengenali atau memahami perbezaan-perbezaan yang wujud dengan kelompok lain. Akhirnya, perhubungan yang wujud menimbulkan konflik kerana penilaian dan kefahaman yang wujud dari budaya sendiri tidak semestinya diterima oleh kelompok lain.

Begitu juga dengan agama yang lebih penting berbanding budaya malahan menjadi ukuran kepada pembentukan sesuatu budaya. Agama merupakan satu sistem kepercayaan yang memberikan panduan kerohanian kepada seseorang individu (Kamarulzaman Askandar 2006:30). Ia dianggap nilai yang penting dalam kehidupan kerana memberi inspirasi dan pengharapan bagi setiap golongan manusia. Ramai orang yang menganuti sesuatu agama kerana ia menawarkan jalan kebenaran yang mutlak, terbukti melalui perilaku penganutnya. Sekiranya perilaku penganutnya bercanggah, maka

ia bergantung kepada tahap kesetiaan dan pengalaman penganut terhadap agama mereka. Dengan itu, agama dan budaya merupakan elemen asas dalam kehidupan sesebuah masyarakat, termasuklah dalam kegiatan politik, ekonomi dan sosial. Dalam konteks konflik, agama dan budaya menjadi ukuran untuk membezakan 'saya dengan dia' dan juga sebagai ideologi dalam perjuangan ketika berhadapan dengan musuh.

Identiti sesebuah kelompok yang terlibat dalam konflik bersifat dinamik disebabkan sifat konflik yang dilalui sentiasa mengancam. Kelompok tersebut akan sentiasa berubah dalam pelbagai dimensi kerana dirasakan perlu untuk menyesuaikan diri dalam konflik yang dinamik. Penyesuaian ini perlu kerana untuk menimbulkan kedudukan yang selesa dalam konflik sama ada ketika ditekan atau melawan. Kelompok minoriti khususnya akan berasa selesa untuk berubah secara bersama kerana dapat melahirkan kekuatan dan perlindungan dalam berhadapan dengan pihak yang menekan. Tambahan pula golongan pemimpin kelompok tersebut menjanjikan kepentingan mereka dijaga asalkan mengikut perintah yang ditetapkan.

Penjajahan kerajaan Siam ke atas Orang Melayu Islam Patani (OMIP)

Pembentukan negeri Patani selepas perpindahan kota pentadbiran kerajaan Langkasuka dari Ligor (Nakhon Si Thammarat) ke Patani telah membawa kemajuan kepada rakyatnya. Tanahnya yang subur dan berhampiran laut telah membuka lembaran baru kepada kerajaan Melayu Patani apabila terkenal dengan pelabuhan perdagangan yang maju di Asia Tenggara. Ramai pedagang dari Timur, Barat, Utara dan Selatan datang berdagang di Patani. Bentuk muka buminya yang berteluk dan terlindung dari tiupan angin taufan timur laut dan barat daya, dan pentadbirannya yang cekap meningkatkan lagi kemajuan Patani menjadi pusat perdagangan antarabangsa. Keagungan kerajaan Patani dapat dilihat bermula semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah apabila pedagang Eropah mula bertapak di Patani. Bangsa Eropah terawal ke Patani adalah Portugis pada tahun 1516 dengan menjual pelbagai jenis barangan dan kemudiannya ia didatangi Sepanyol pada 1602 dan Inggeris pada 1603 (Al-Fatani 1994:21). Keagungan Patani sebagai pusat pelabuhan yang terkenal diteruskan sehingga ke zaman pemerintahan Raja-raja Perempuan. Mereka terdiri daripada Raja Hijau yang memerintah antara tahun 1584 hingga 1616, Raja Biru antara tahun 1616 hingga 1624, Raja Ungu tahun 1624 sehingga 1635 dan Raja Kuning antara tahun 1635 hingga 1651.⁸ Mereka merupakan adik beradik manakala Raja Kuning merupakan anak kepada Raja Ungu.

Sepanjang 67 tahun pemerintahan keempat-empat Raja perempuan ini, Patani terus meningkat maju dan mendapat perhatian pedagang dari benua Asia dan Eropah. Keadaan ini telah menimbulkan iri hati Raja Siam yang merupakan kerajaan jiran terdekat kerajaan Patani. Kerajaan Siam yang berpusat di Ayutthia melancarkan serangan untuk menakluki kerajaan

Patani sebanyak empat kali sepanjang pemerintahan Raja-raja Perempuan, namun menemui kegagalan. Hal ini disebabkan kekebalan pertahanan dan kemajuan teknologi yang terdapat di Patani khususnya yang dibawa oleh pedagang Eropah. Antaranya senapang dan meriam-meriam besar yang boleh memporak-perandakan pihak musuh. Selain itu, bantuan orang-orang luar khususnya pedagang dan kerajaan-kerajaan Melayu kecil yang lain seperti Pahang dan Johor turut meyumbang kepada kejayaan Patani mematahkan serangan kerajaan Siam. Serangan pertama bermula pada tahun 1603 semasa pemerintahan Raja Hijau, seterusnya semasa pemerintahan Raja Ungu sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1632 dan 1633, dan kemudiannya semasa pemerintahan Raja Kuning pada tahun 1638 (Al-Fatani 1994:22-25).

Kekalahan kerajaan Siam kali keempat membuatkan kerajaan tersebut serik buat seketika dan menyedari bahawa kekuatan yang dimiliki tidak mampu menandingi kekuatan kerajaan Patani. Keadaan ini menyebabkan kerajaan Siam mengundurkan perhatiannya kepada Patani dalam masa beberapa tahun. Pengunduran kerajaan Siam ini memberi kelonggaran kepada Patani daripada menerima ancaman Siam sehinggalah kerajaan Patani mula alpa akan kemasyhuran dan kemakmurannya sehingga tidak lagi mementingkan kepada pertahanan negara. Keadaan ini berlaku selepas kemangkatan Raja Kuning yang mana raja-raja yang menggantikan baginda adalah berketurunan Kelantan akibat daripada tiada waris dari keturunan raja Patani yang layak menaiki tahta. Pada tahun 1786, Patani di bawah pemerintahan Sultan Muhammad telah diserang oleh kerajaan Siam dan akhirnya berjaya menaklukinya. Antara sebab-sebab lain kejatuhan Patani kepada kerajaan Siam ialah pertama rahsia pertahanan dan kekuatan orang Melayu telah dipecahkan, kedua, Sultan Muhammad raja Patani telah mangkat dalam peperangan, ketiga, kelengkapan alatan senjata perang yang tidak memadai dan keempat, kekuatan perang orang Siam lebih tinggi berbanding orang-orang Melayu Patani (Yaacob 2009:10).

Setelah kejatuhan ini, Patani telah menjadi tanah jajahan kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok. Pelbagai dasar dan pendekatan penjajahan telah dilaksanakan di Patani. Dasar-dasar ini berbentuk tekanan dan pemaksaan ke atas orang Melayu Patani bagi memastikan rakyat Patani tidak bangkit dan merampas kembali kuasa mereka dari penaklukan Siam. Kesan daripada dasar-dasar ini, orang Patani mengalami transformasi destruktif dalam semua aspek kehidupan mereka termasuk politik, ekonomi, pendidikan, sosial, budaya dan identiti. Dasar dan perlaksanaannya ini dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

Dasar dan Pendekatan Kerajaan Siam ke atas OMIP

Dasar dan pendekatan kerajaan Siam dalam memastikan OMIP tidak bangkit menuntut kuasa mereka boleh dibahagikan kepada tiga konsep, iaitu dominasi, pengembangan kuasa dan asimilasi. Pendominasian ini adalah merujuk kepada

tindakan kerajaan Siam yang menyerang dan menakluki Kesultanan Melayu Patani serta menguasai sepenuhnya kekuatan yang ada dalam pentadbiran orang Melayu. Manakala pengembangan kuasa adalah merujuk kepada dasar kerajaan Siam yang mengembangkan dan memanjang kuasa mereka melalui proses mengambil alih pentadbiran di Patani. Manakala asimilasi merujuk kepada dasar yang cuba menukar budaya dan identiti OMIP menjadi orang Thai-Buddha. Konsep dominasi dan pengembangan kuasa ini tidak diperbincang dalam penulisan ini dan perkara yang penting adalah konsep asimilasi yang menjadi nadi utama kepada kebangkitan OMIP memberontak menuntut hak dan keadilan. Dasar pertama yang melibatkan keruntuhan budaya Melayu bermula pada 23 Disember 1894 apabila Raja Chulalongkhorn atau Rama V melaksanakan dasar integrasi kebangsaan yang dikenali sebagai *Thesaphiban* (Yaacob 2009:13). Pelaksanaan dasar ini melalui penyusunan semula sistem pentadbiran di Patani dengan memecahkan negeri Patani kepada tujuh wilayah dan melantik seorang Pesuruhjaya Siam selaku ketua pentadbiran. Kesan dasar ini kepada orang Melayu ialah apabila Raja negeri Patani dihapuskan dengan melantik raja-raja Melayu di tujuh wilayah yang dipecahkan. Walaupun sistem pemerintahan Melayu masih lagi dikekalkan tetapi tahap kuasa yang dimiliki oleh Raja-raja Melayu adalah terbatas. Menurut Ahmad Fathy, mereka ini boleh dianggap sebagai 'Raja Patung' yang memerintah di balik telunjuk dan arahan Pesuruhjaya Siam di Songkhla (Al-Fatani 1994:67). Kemuncak kepada dasar ini, semua jawatan raja-raja Melayu telah dihapuskan. Pada tahun 1902, Tengku Abdul Kadir selaku raja Patani terakhir telah ditangkap dan dimansuhkan jawatannya. Dengan ini, segala sistem beraja dalam budaya Melayu telah dihapuskan dan diganti dengan sistem pentadbiran Siam dengan menjadikan Pesuruhjaya atau Gabenor sebagai tempat pernaungan kuasa bagi setiap wilayah Melayu. Maka dengan ini, salah satu elemen dalam budaya Melayu telah dihapuskan kesan daripada dasar *Thesaphiban*.

Kejayaan pengukuhan kuasa Raja Chulalongkhorn ke atas negeri Patani diperkuatkan lagi semasa pemerintahan anakanda baginda Raja Vajiravudh atau Rama VI. Siam ketika di bawah Rama V membawa pendekatan semangat nasionalisme yang mementingkan 'Tuhan, raja dan negara' telah diubah oleh Rama VI dengan menjadikan ketiga elemen ini sebagai simbol yang wajib menjadi ketaatan rakyat. Dasar ini sememangnya bercanggah dengan ajaran Islam khususnya yang dianuti oleh OMIP. Mereka tidak boleh menjadikan Tuhan orang Siam sebagai Tuhan mereka. Keadaan ini telah menampakkan penentangan orang Melayu secara terbuka bagi memastikan budaya dan identiti mereka terbela. Namun begitu, kerajaan Siam masih lagi berhasrat meneruskan dasar penyatuan rakyat walaupun tidak disenangi oleh rakyat, tetapi dengan cara yang berlainan. Dengan ini, ditubuhkan *Educational Act 1921* yang mana anak-anak orang Melayu dikehendaki belajar di sekolah bahasa Thai di samping campurtangan pusat terhadap birokrasi pentadbiran khususnya dalam urusan sosial dan ekonomi.

Penerusan dasar yang mencengkam kehidupan OMIP semakin parah apabila pada tahun 1938 satu dasar baru negara diperkenalkan. Dasar dikenali sebagai Rathaniyom ini diperkenalkan oleh Jeneral Plaek Phibul Songkhram selaku Perdana Menteri kedua selepas rampasan kuasa 1932. Beliau yang bersifat 'ultra nasionalis' menjadikan dasar ini untuk menyatakan hanya ciri-ciri kebudayaan Thai sahaja dibenarkan berkembang di Thailand. Arahan berbentuk dikri telah dikeluarkan untuk memaksa semua rakyat untuk bersatu mencapai konsep satu negara satu bangsa iaitu 'Negara Thai untuk Bangsa Thai'. Bagi memperkukuhkan arahan ini, pada tahun 1940 satu dewan budaya Thai dikenali *Sepa Watana Tam* ditubuhkan. Antara tugas yang dijalankan ialah memajukan serta menyebarkan kefahaman kebudayaan Thai ke seluruh negara. Di Patani, orang Melayu tidak dibenarkan memakai pakaian tradisional seperti bersongkok, berkain pelikat, berjubah, berbaju kurung, bertudung dan sebagainya lagi. Sebaliknya mereka dipaksa memakai seluar, bertopi, dan berbaju gaun bagi wanita. Selain itu, di samping tidak boleh bertutur bahasa Melayu, nama-nama tempat dan individu di tiga wilayah juga turut ditukar ke dalam bahasa Thai. Dari segi tatacara hidup, mereka dipaksa makan menggunakan sudu dan garfu serta meja sebagai pengalasan.

Segala kelonggaran yang diberi semasa pemerintahan Rama VI telah ditarik balik khususnya yang berkaitan dengan peraturan syariat Islam berhubung hukum nikah-cerai dan wasiat. Justeru, perundangan berkaitan dengan pengadilan secara syariat telah dipindahkan kepada mahkamah sivil yang diadili oleh hakim-hakim berbangsa Thai-Buddha. Perlaksanaan dasar Rathaniyom ini secara jelas telah menafikan hak orang Melayu di Patani untuk mengamalkan budaya dan identiti mereka. Sepanjang pemerintahan Phibul Songkhram, orang Melayu Patani mengalami proses asimilasi yang cukup hebat sehinggalah membawa kepada kebangkitan penentangan dalam kalangan pemimpin Melayu seperti Haji Sulong Abdul Kadir, Tengku Abdul Jalal, Tengku Mahmood Mohyideen dan lain-lain lagi.

Kebangkitan pemimpin-pemimpin Melayu sedikit sebanyak mengurangkan tekanan terhadap rakyat Patani. Jeneral Khuang Aphaiwon dan Pridi Phanayom yang memegang pemerintahan Thailand sejurus kejatuhan Phibul Songkhram membawa sedikit kelegaan kepada OMIP apabila mereka menghapuskan dasar Rathaniyom. Namun begitu, pada tahun 1957 sekali lagi OMIP mengalami proses asimilasi berbentuk pemujukan dan pengaruh. Rampasan kuasa terhadap pemerintahan kali kedua, Phibul Songkhram setelah mengambil alih daripada Khuang Aphaiwong pada 1957 membawa kekecohan dalam masyarakat OMIP. Jeneral Sarit Thanarat yang menggantikan Phibul Songkhram mempunyai strateginya yang tersendiri untuk mengasimilasikan orang Melayu. Dasar-dasar yang dibawa adalah untuk membentuk masyarakat Thai yang mengamalkan satu budaya, satu bahasa, satu agama dan satu negara. Beliau seorang yang bijak dan licik menggunakan sistem pendidikan sebagai pendekatan untuk menerapkan nilai-nilai Thai-Buddha dalam pengamalan

agama Islam. Sistem kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah pondok diperbaharui dengan memasukkan pengajaran bahasa Thai-Buddha (McCargo 2009:19). Beliau mengenakan syarat setiap sekolah pondok yang menerima guru-guru bahasa Thai akan mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan dan dalam masa yang sama mempelawa pengetua-pengetua sekolah pondok untuk melawat sekolah-sekolah di Bangkok yang telah melaksanakan sistem integrasi pendidikan ini. Usaha ini dijalankan kerana kerajaan Thailand percaya bahawa kewujudan gerakan pemisah di tiga wilayah ini adalah berpunca daripada sekolah pondok.

Di samping itu, untuk memperkemas dasar-dasar yang dijalankan, Sarit Thanarat telah mengarahkan sesiapa yang tidak menyokong dasar-dasar kerajaan walau dalam keadaan mana sekali pun akan dipisahkan daripada majoriti masyarakat Thai (Chidchanok 2001). Justeru, pendekatan beliau ini sedikit sebanyak telah meningkatkan jurang perkauman antara bangsa Melayu dengan Thai. Tindakan OMIP menentang dasar kerajaan dipandang serong oleh orang Thai-Buddha yang menimbulkan streotaip dan prejudis. Perasaan ini kemudiannya diluahkan melalui tindakan pegawai-pegawai kerajaan yang menindas untuk memaksa OMIP menerima proses asimilasi. OMIP sebelum ini pernah digelar sebagai 'Khaek' atau kaum pendatang memberi tamparan kepada OMIP kerana dianggap sebagai pendatang sedangkan bumi yang didiami adalah hak keturunan bangsa mereka tetapi dijajah oleh kerajaan Siam. Tambahan pula kerajaan Thai dari masa ke semasa memberi pengertian yang berbeza tentang panggilan bangsa Melayu di Patani. Mereka digelar sebagai Thai-Islam atau Thai-Muslim untuk membezakan dengan penduduk majoriti Thai-Buddha dalam negara (Mohd Zamberi 1993:231).

Menjelang tahun 1968, semasa pemerintahan Field Marshal Thanom Kittikachorn sekali lagi OMIP menerima proses asimilasi dalam bentuk pembangunan ekonomi. Dasar yang diperkenalkan dikenali sebagai *Skim Nikhom Sang Kon Eng* yang membawa maksud 'Rancangan Keluarga Setia'. Dasar ini membenarkan pemindahan seramai 15,000 orang keluarga Thai-Buddha dari wilayah-wilayah di bahagian utara, timur dan barat negara Thai ke tiga wilayah. Mereka ini terdiri daripada bekas tentera dan polis atau sekurang-kurangnya tahu menggunakan senjata ini diberi pelbagai kemudahan asas dalam penempatan baru ini. Di samping itu, kerajaan menggalakkan orang-orang tempatan untuk keluar berhijrah ke wilayah-wilayah lain. Matlamat kerajaan Thai ketika itu ingin menempatkan seramai 250,000 keluarga dalam 7 *skim Nikhom* yang terdapat di tiga wilayah (Mohd Zamberi 1993:232). Sebelum pemindahan, kerajaan Thailand telah mengambil tanah-tanah di tiga wilayah untuk dijadikan tanah rancangan untuk dibangunkan. Mereka disedia pelbagai kemudahan infrastruktur dan tempat tinggal atas alasan untuk membangunkan ekonomi dan sumber pendapatan orang tempatan. Namun, hakikatnya ia merupakan rancangan untuk mengurangkan jumlah majoriti OMIP di tiga wilayah di samping mengintegrasikan budaya kedua-

dua kelompok agar saling memahami. Tindakan ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan penentangan OMIP serta mencampuradukkan pengalaman budaya. Kebanyakan kampung-kampung orang Melayu mula diselang-selikan dengan rumah-rumah orang Thai-Buddha.

Melihat kepada dasar-dasar yang dibentuk ini, setiap pemimpin yang memegang pemerintahan kerajaan Thailand mempunyai pelbagai pendekatan tetapi mempunyai satu matlamat iaitu mahu mengasimilasikan OMIP ke dalam budaya dan identiti Thai-Buddha. Namun, begitu tidak semudah seperti yang dirancang kerana keupayaan OMIP mempertahankan budaya dan identiti sangat utuh sehingga menimbulkan konflik berpanjangan.

Reaksi dan Survival OMIP terhadap Dasar Asimilasi

Penentangan OMIP terhadap dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan Thailand merupakan survival mereka ketika berhadapan dengan dasar asimilasi kerajaan Thailand. Reaksi ini bagaimanapun memberi tanggapan negatif kepada kerajaan Thailand kerana merasakan tindakan tersebut sebagai penghalang kepada kemajuan rakyat dan negara. Justeru, pertembungan ini boleh dianggap sebagai ketidaktahuan budaya yang membawa kepada pergolakan yang berpanjangan.

Perjuangan menuntut keadilan dan hak di kalangan OMIP bermula semasa pemerintahan Tengku Abdul Kadir. Pelaksanaan dasar Thesaphiban yang mengakibatkan kuasa raja-raja Melayu dikurangkan, di samping sikap pegawai Siam yang menindas rakyat telah membangkit usaha Tengku Abdul Kadir dengan dibantu oleh guru-guru agama melancarkan pemberontakan. Penentangan yang dikenali sebagai Pemberontakan Nasa ini dimulakan pada tahun 1922 berakhir dengan peristiwa pertempuran di kampung Belukar Semak (Nik Anuar Nik Mahmud 2008:15). Dalam pertempuran ini, kerajaan Thailand menuduh orang Melayu mula melancarkan pemberontakan dan bertindak menangkap pemimpin-pemimpin Melayu dan membuatkan Tengku Abdul Kadir melarikan diri ke Kelantan sehinggalah meninggal dunia pada 1933. Pemberontakan ini bagaimanapun memberi kesan positif kepada OMIP apabila kerajaan Thailand mulai buka mata dan memahami hak dan kebebasan OMIP di tiga wilayah. Dengan itu, Rama VI mulai menyusun kembali dasar-dasar kerajaan di Patani melalui Kementerian Dalam Negeri pada Julai 1923, antaranya:

- i. Amalan-amalan yang nampak bertentangan dengan Islam dihentikan dengan segera dan mana-mana peraturan baru yang hendak dikenakan tidak boleh melanggar agama Islam.
- ii. Tarif cukai yang dipungut dari orang Melayu tidak boleh lebih tinggi daripada tarif yang dipungut di negeri-negeri Melayu bersempadan yang di bawah Inggeris.

- iii. Pegawai-pegawai pemerintah yang ditugaskan di Patani mestilah jujur, sopan dan tegas. Mana-mana pegawai yang sedang dikenakan tindakan disiplin kerana kesalahan di tempat lain tidak boleh ditempatkan di Patani (Nik Anuar Nik Mahmud 2008:15-16).

Pemberontakan Nasa ini merupakan salah satu tekanan kepada kerajaan Thailand untuk menghormati hak, identiti dan budaya OMIP. Namun begitu, OMIP sekali lagi menghadapi penekanan daripada kerajaan Thailand selepas revolusi 1932.⁹ Sejalan dengan itu, OMIP bangkit sekali lagi mempertahankan identiti mereka melalui pimpinan golongan agama. Haji Sulong bin Abdul Kadir, seorang ulama terulung di Patani telah menubuhkan persatuan di kalangan orang Melayu yang dikenali sebagai *al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shar'iyah* atau Lembaga Pelaksana Hukum Syariah.¹⁰ Pertubuhan ini bertujuan untuk mengumpul alim ulama dan guru agama di Patani untuk bersatu dan bertukar-tukar fikiran bagi menghadapi dasar Rathaniyom yang mengasimilasi identiti dan budaya mereka. Antara usaha yang dijalankan melalui pertubuhan ini ialah melobi pihak-pihak luar khususnya kerajaan British untuk campur tangan menyelesaikan kemelut yang berlaku. Selain itu juga, Haji Sulong melalui pertubuhan ini berjaya mengemukakan tujuh tuntutan kepada kerajaan Thailand untuk memastikan kestabilan di tiga wilayah. Tujuh tuntutan ini adalah seperti berikut:

- i. Menggesa Kerajaan Thailand melantik seorang anak tempatan yang dipilih oleh rakyat setempat dan mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran wilayah-wilayah Islam Patani, Yala, Narathiwat dan Satun.
- ii. Cukai dan hasil pendapatan daripada keempat-empat wilayah berkenaan mestilah dilaburkan untuk projek pembangunan setempat.
- iii. Mengadakan pelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah sehingga darjah VI sebelum mempelajari bahasa Thai.
- iv. Pegawai-pegawai kerajaan yang mentadbir keempat-empat wilayah Islam mestilah terdiri dari 80% orang Melayu-Islam peranakan tempatan.
- v. Bahasa Melayu dan bahasa Thai dijadikan bahasa rasmi.
- vi. Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah yang berkuasa penuh menyelaras hukum Islam bersabit dengan syarak dan kebudayaan di keempat-empat wilayah dengan persetujuan dari ketua dalam syarat 1.
- vii. Kerajaan Thailand mestilah mengasingkan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Wilayah Kerajaan serta memberi kuasa kepada Qhadi membicarakan sesuatu kesalahan di Mahkamah

Syariah (Mohd Zamberi 1993:197-198).

Tuntutan ini bukan bertujuan untuk memecahkan perlembagaan Thailand yang telah termaktub tetapi untuk memperbaiki nasib OMIP dan tanah air mereka sejajar dengan saranan antarabangsa yang mementingkan hak asasi manusia bagi bangsa yang terjajah. Di pihak kerajaan Thailand, tuntutan ini merupakan sesuatu yang serius dan menganggap OMIP sedang merancang untuk melakukan pemberontakan. Keadaan semakin rumit apabila Haji Sulong telah ditangkap pada Januari tahun 1948 atas tuduhan menderhaka dan merancang melakukan pemberontakan.

Penangkapan Haji Sulong memberi tekanan hebat kepada OMIP dan menganggap kerajaan Thailand tidak membuka ruang untuk mereka meluahkan masalah selaras dengan prinsip demokrasi. Dengan ini, OMIP dilihat mengalih pandangan kepada pihak-pihak luar untuk meminta bantuan terhadap permasalahan yang dihadapi. Antara yang meneruskan usaha untuk membela nasib OMIP ialah Tengku Abdul Jalal. Beliau melalui Jawatankuasa Perwakilan Melayu Selatan Thai mengutus telegram kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 27 Januari 1948 untuk menerangkan penindasan kerajaan Thailand terhadap OMIP di tiga wilayah. Dalam surat tersebut dinyatakan tindakan kerajaan Thailand yang menangkap para pemimpin OMIP dan melahir kebimbangan terhadap kemarahan OMIP yang akan membawa kepada pertumpahan darah. Beliau meminta PBB melalui Majlis Keselamatan menjalankan siasatan terhadap dakwaan tersebut. Namun begitu, usaha beliau tidak mendatangkan hasil apabila PBB tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap dakwaannya.

Manakala di Tanah Melayu, Tengku Mahmud Mahyideen telah mengatur gerakan untuk melobi kerajaan British supaya campur tangan di tiga wilayah dan menyatukan negeri Patani dengan Tanah Melayu.¹¹ Beliau yang mempunyai pengaruh dalam kerajaan British menyuarakan pandangan ketika kemenangan pihak berikat dalam Perang Dunia Kedua memandangkan Thailand ketika itu memihak kepada Jepun. Namun, usaha beliau juga tidak berjaya apabila British menggunakan pendekatan terbaik-baik dengan Thailand di atas desakan Amerika Syarikat agar tidak mencampuri urusan dalam negeri Thailand. Tambahan pula British bergantung kepada Thailand untuk mengeksport beras bagi keperluan tanah jajahannya di Tanah Melayu.

Kegagalan melobi kerajaan British tidak mematahkan semangat OMIP untuk terus berjuang mempertahankan identiti dan budaya mereka di Patani. Pada 1 Mac 1948, OMIP yang tinggal di Tanah Melayu telah menubuhkan Gabungan Melayu Patani Raya (GEMPAR) yang didaftarkan atas nama badan kebajikan dan memperjuangan politik kebebasan yang menuju cita-cita agama, bangsa dan tanah air. GEMPAR ditubuhkan atas inisiatif Tengku Mahmud Mahyideen, Haji Sulong dan Tengku Abdul Jalal yang bergabung untuk terus

melobi pihak luar agar memberi tekanan kepada kerajaan Thailand. Matlamat pertubuhan ini adalah:

- i. Menyatukan semua orang Melayu Patani di selatan Thailand dan keturunannya yang bertaburan di Malaya.
- ii. Mengukuhkan hubungan rapat pertalian keluarga di wilayah-wilayah Patani dan memperbaiki taraf hidup mereka di sana.
- iii. Bekerjasama antara satu sama lain dan saling bantu-membantu.
- iv. Memperbaiki taraf pelajaran dan menghidupkan kebudayaan Melayu di selatan Thailand.

Usaha gigih GEMPAR dalam meraih simpati pihak luar dilihat berhasil apabila raja-raja Melayu di Tanah Melayu, Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Malay Nasionalist Pary (MNP), Persatuan Melayu Singapura dan lain-lain lagi. Mereka simpati dan menyatakan secara rasmi menyokong perjuangan GEMPAR (Mohd Zamberi 1993:207).

Kesan daripada usaha GEMPAR ini memberi tekanan kepada kerajaan Thailand apabila timbul perdebatan di parlimen Thailand pada 4 Mac 1948 yang membawa pengakuan Perdana Menteri Thai tentang tiga sebab utama yang menyekat tuntutan orang Melayu. Tiga sebab tersebut ialah: (i) penganiayaan oleh pegawai-pegawai kerajaan Thai yang tidak berpengalaman dan masalah korupsi yang berleluasa dilakukan di kalangan masyarakat Islam Patani, (ii) dasar pentadbiran Thai sebelumnya yang berupa penekanan telah menghalang kebebasan agama, walaupun telah dibatalkan tetapi masih meninggalkan kesan yang mendalam di hati masyarakat Islam Patani, dan (iii) kebanyakan sekolah-sekolah yang terdapat di wilayah-wilayah Islam Patani selama ini cuma diajar dalam pengantar bahasa Thai bukannya bahasa Melayu (Mohd Zamberi 1993:207).

Pengakuan yang dibuat oleh Perdana Menteri Thailand ini seakan-akan mereka sudah memahami masalah OMIP dan sewajarnya melakukan rombakan terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan di tiga wilayah. Namun, tiada apa-apa perubahan yang berlaku malahan semakin diperketatkan aktiviti orang Melayu Patani. Kerajaan Thailand dilihat cuba menyekat aktiviti GEMPAR dan pemimpin-pemimpin Melayu Patani apabila berbincang dengan kerajaan British untuk menyekat segala aktiviti OMIP di tanah Melayu. Perjuangan GEMPAR akhirnya dimansuhkan oleh British yang mengarahkan supaya Tengku Mahmud Mohyideen tidak aktif memperjuangkan kemerdekaan Patani. Manakala Haji Sulong pula menerima nasib yang malang apabila hilang dan dipercayai dibunuh oleh kerajaan Thailand.

Menjelang tahun 1960-an, didapati OMIP mulai aktif kembali memperjuangkan hak mereka yang selama ini dimanipulasi oleh kerajaan Thailand. Perjuangan kali ini adalah melalui pertubuhan gerakan pemisah.

Antara gerakan pemisah yang ditubuhkan ialah seperti Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN), Patani United Liberation Organization (PULO), Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP) dan lain-lain lagi (Yaacob 2009:152). Kumpulan ini menjadikan senjata sebagai wadah perjuangan setelah usaha-usaha yang dilakukan selama ini tidak berjaya. Terdapat dua kumpulan yang masih aktif hingga ke hari ini iaitu BRN dan PULO. BRN melalui pertubuhan sayapnya yang dikenali sebagai Runda Kumpulan Kecil (RKK) sering kali melakukan serangan ke atas pasukan tentera dan polis Thailand selain dipercayai turut terlibat membakar sekolah dan menembak guru-guru. Menurut ahli RKK yang ditemubual, tindakan membunuh guru dan membakar sekolah bukanlah kehendak mereka tetapi terpaksa dilakukan demi mempertahankan identiti OMIP yang selama ini diasimilasikan melalui sistem persekolahan dan guru-guru sebagai agen kepada asimilasi.¹² Manakala PULO dilihat lebih menumpukan kepada perjuangan politik antarabangsa bagi mendapat pengaruh daripada negara-negara dan pertubuhan antarabangsa untuk menyokong saranan PBB yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia yang dibentuk pada 10 Januari 1948 (Nirwana 2008). Deklarasi ini mempunyai bertujuan untuk melindungi hak seorang manusia sama ada di peringkat individu, komuniti, negara mahupun antarabangsa. Deklarasi tersebut menyarankan setiap negara memberi komitmen untuk saling menghormati dan memandang tinggi martabat kemanusiaan antara negara bangsa. Saranan ini ditetapkan bagi setiap negara anggota agar terhindar daripada malapetaka peperangan yang menghancurkan nilai-nilai kemanusiaan. Oleh itu, setiap negara anggota harus patuh kepada deklarasi ini untuk dijadikan panduan dalam penggubalan dan pelaksanaan sesuatu dasar terhadap rakyat. Antara perkara-perkara dalam deklarasi tersebut yang sesuai dengan tuntutan PULO terhadap kerajaan Thailand ialah:

- Fasal 1: Semua orang dilahirkan merdeka dan mempunyai martabat dan hak-hak yang sama. Mereka juga dikurniakan akal dan hati nurani dan kehendak untuk bergaul satu sama lain dalam bentuk persaudaraan.
- Fasal 2: Setiap orang berhak atas semua hak dan kebebasan-kebebasan yang terdapat dalam Deklarasi ini tanpa pengecualian apa pun sama ada pembezaan etnik, warna kulit, jenis kelamin, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, asal-usul kebangsaan atau kemasyarakatan, hak milik, kelahiran ataupun kedudukan lain.
- Fasal 12: Tidak seorang pun boleh diganggu berkaitan urusan peribadi, keluarga, rumah tangga atau hubungan surat menyurat dengan sewenang-wenangnya; juga tidak dibenarkan pelanggaran terhadap kehormatan dan nama baiknya. Setiap orang berhak mendapat perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau pelanggaran seperti ini.¹³

Manakala tindakan dan tuntutan PULO yang lain adalah seperti berikut. Pertama, memberontak melawan kerajaan Thailand yang bertindak menghapuskan budaya dan identiti OMIP. Kedua, menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan pembebasan di kalangan pelajar untuk melawan kedudukan, penjajahan dan sifat Zionis di selatan Thailand.¹⁴ Dan ketiga, tindakan ini adalah bertujuan untuk menuntut dua isu utama, iaitu Isu mendapat kemerdekaan atau kuasa autonomi di tiga wilayah selatan Thailand, dan isu diskriminasi terhadap ekonomi, politik, pendidikan, identiti (etnik, agama, sejarah dan bahasa) dan budaya (amalan, penggunaan, adat istiadat dan lain-lain lagi).¹⁵

Sekitar tahun 1970-an hingga 80-an, kebanyakan gerakan pembebasan Patani mengalami kemerosotan dalam perjuangan. Hal ini disebabkan dua polisi kerajaan Thailand yang dilakukan khusus untuk menghapuskan pengaruh gerakan pemisah. Polisi pertama, 'Operasi Ramkamhaeng' dan 'Kempen Anti-keganasan' yang dilaksanakan antara tahun 1968 hingga 1975. Operasi ini dilancarkan untuk menghapuskan puak pemisah dan pergerakan bawah tanah. Kesan daripada operasi ini, sebanyak 385 pertempuran antara tentera Thai dengan kumpulan gerakan pemisah (Farish 2004). Manakala dari statistik, seramai 1,208 penangkapan dibuat dan 329 anggota pejuang terkorban, 250 kem pejuang telah diranapkan dan 1,451 senjata telah dirampas (Mohd Zamberi 1993:198). Manakala polisi kedua melalui dasar yang dikenali 'Peraturan 66/23' yang dibentuk oleh General Prem Tinasulanonde bertujuan untuk memupuk kerjasama antara penduduk tempatan dengan pasukan keselamatan. Di bawah dasar ini, terdapat institusi ditubuhkan ialah *43rd Civil-Police-Military Joint Head (CPM-43)* dan *Administrative Center for the Administration of Southern Border Provinces (ACABSP)*. CPM-43 dibentuk untuk mempengaruhi penduduk tempatan untuk bersama-sama dengan pasukan keselamatan untuk menentang pengaruh komunis dan gerakan pemisah. Polisi ini disokong oleh ACABSP atau dikenali sebagai *Southern Border Provinces Administration Center (SBPAC)* pada hari ini yang berperanan menerima aduan OMIP terhadap salah laku pegawai kerajaan serta menyiasat dan menghukum mana-mana pegawai kerajaan Thai yang melakukan tekanan dan kezaliman kepada OMIP.

Kedadaan ini secara tidak langsung memberi keadilan kepada OMIP yang selama ini ditekan dan ditindas oleh pegawai Thai. OMIP yang selama ini berasa benci terhadap pegawai Thai sedikit terungklai dan dalam masa yang sama tidak lagi memberi sokongan kepada gerakan pemisah. Malahan mereka mulai memberi segala maklumat tentang gerakan pemisah. Selain itu, melalui peranan CPM-43 juga turut menawarkan pengampunan secara terbuka kepada ahli-ahli anggota gerakan pemisah untuk menyerah diri. Oleh itu, sekitar tahun 1970-an didapati ramai anggota gerakan pemisah menyerah diri, tambahan pula berlaku perselisihan dalam setiap pertubuhan gerakan pemisah sehingga membawa kepada perpecahan. Kemerosotan dalam setiap pertubuhan pembebasan khususnya PULO ketika itu menyebabkan perjuangan

OMIP mulai lemah sekitar tahun 70an sehinggalah ia muncul kembali pada tahun 2004.

Peranan PULO semakin ketara selepas tahun 2004 apabila negara-negara luar seperti Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei mulai menumpukan perhatian terhadap konflik di selatan Thailand. Selain itu, pertubuhan antarabangsa seperti Organization of Islamic Conference (OIC) dan ASEAN mulai mengyalurkan sokongan dan bantuan untuk menyelesaikan konflik. PULO mulai berhubung dengan OIC untuk mendapatkan pengaruh bagi menekan kerajaan Thailand supaya lebih prihatin terhadap identiti dan budaya OMIP di tiga wilayah. Antara perkembangan positif yang diperolehi ialah Dato Seri Mohd Najib Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia mencadangkan agar kerajaan Thailand memberi kuasa autonomi kepada OMIP.¹⁶ Kenyataan ini disokong oleh OIC yang mana bergiat aktif mengadakan pertemuan antara ahli anggotanya untuk membantu kerajaan Thailand mencari jalan penyelesaian di selatan Thailand. Presiden PULO Abu Yasir Fikri dijemput oleh OIC dalam pertemuan pada 18-19 April 2009 untuk memberi penerangan tentang keadaan konflik di selatan Thailand dan pandangan beliau terhadap OMIP dan kerajaan Thailand.¹⁷ Usaha OIC ini adalah menjurus kepada membantu kerajaan Thailand untuk mengurangkan tekanan dan memberi kebebasan pengamalan identiti, budaya dan hak asasi manusia sejajar dengan fasa-fasa yang terdapat dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia dan *International Humanitarian Laws* yang dicituskan oleh PBB.¹⁸

‘Survival’ OMIP terhadap identiti dan budaya Melayu bukan hanya bergantung kepada pemimpin-pemimpin mereka sahaja, tetapi juga melibatkan institusi kekeluargaan yang menerapkan nilai-nilai budaya terhadap generasi baru. Peranan ibu bapa dilihat sangat penitng dan menjadi faktor utama kepada kejayaan OMIP mempertahankan identiti dan budaya mereka sehingga ke hari ini. Informan yang ditemubual yang juga merupakan anak jati di tiga wilayah menyatakan faktor kejayaan OMIP mempertahankan identiti dan budaya mereka adalah disebabkan semangat jati diri yang sangat kuat dan sejarah kegemilangan Patani yang menyebabkan mereka bangga menjadi bangsa Patani.¹⁹ Malahan setiap individu dalam institusi kekeluargaan turut berperanan penting menjaga identiti mereka sehingga berjaya dipertahankan sehingga ke hari ini. Ibubapa berperanan menerapkan nilai-nilai nasionalisme Patani kepada anak-anak mereka sejak dari kecil lagi. Institusi pendidikan tradisional Melayu merupakan agen kepada penerapan nilai identiti dan budaya Melayu di selatan Thailand. Anak-anak di peringkat tadika akan diasuh dengan bahasa Melayu dan agama Islam. Manakala di peringkat sekolah rendah walaupun terpaksa mengikut pengajian di sekolah nasionalis Thai, tetapi di rumah mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Di peringkat menengah, kebanyakan ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah agama rakyat dan sekolah ‘pondok’ yang merupakan sekolah yang beraliran Melayu dan agama Islam. Mereka tidak

menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan kerana bimbang anak-anak mereka diSiamkan.²⁰

Analisa: Tekanan dan Survival Orang Melayu Islam Patani

Konflik di selatan Thailand wujud akibat penjajahan kerajaan Thailand ke atas negeri Patani. Bermula dari itu, OMIP mulai dibayangi dengan dasar-dasar yang menindas dan menekan sehingga membawa kepada pemberontakan yang berpanjangan. Pemberontakan ini berlaku pada awalnya adalah berkisar kepada isu penjajahan dan kemerdekaan, namun ia dilihat semakin berkembang dengan isu-isu lain seperti identiti dan budaya. Perubahan atau penambahan isu-isu ini merupakan proses transformasi yang selaras dengan sifat konflik yang dinamik. Walaupun begitu, transformasi isu yang berlaku di selatan Thailand berpunca daripada tindak balas kerajaan Thailand terhadap pemberontakan OMIP akibat penjajahan tersebut. Dasar Rathaniyom jika diteliti sudah jelas matlamatnya iaitu bertujuan untuk menyatukan rakyat dan membentuk keamanan sejagat bagi mencapai matlamat negara Thai yang maju dan moden. Justeru, dasar ini merupakan satu pendekatan untuk membawa keamanan di selatan Thailand dalam ertikata menyatukan rakyat dan sama-sama mengesap kemajuan negara. Walaupun begitu, dasar ini bersifat autokratik yang mana memaksa rakyat yang pelbagai kelompok bangsa untuk menerima identiti dan budaya Thai. Perubahan Identiti dan budaya menyebabkan OMIP di selatan Thailand tidak boleh menerima dan secara tidak langsung menolak pelaksanaan dasar tersebut. Penolakan ini kerana OMIP mempunyai identiti dan budaya sendiri yang merupakan nilai hidup yang tidak mungkin boleh dikompromi. Walau bagaimanapun, di pihak kerajaan Thailand merasakan dasar tersebut suatu yang ideal dan tidak menghormati identiti dan budaya OMIP selaku kelompok minoriti. Di sini timbulnya persoalan isu-isu kritis yang melibatkan kesalahfahaman budaya.

Kewujudan isu identiti dan budaya ini boleh dilihat sebagai kesalahfahaman budaya yang membawa kepada pertembungan antara OMIP dengan orang Thai-Buddha. Kerajaan Thailand merasakan dasar Rathaniyom sesuatu yang ideal kerana orang Thai melihat budaya dan identiti OMIP mengikut kaca mata budaya sendiri. Mereka menilai OMIP mengikut panduan yang ditetapkan dalam budaya Thai-Buddha. Maka, segala penilaian tersebut sememangnya bercanggah dengan kehendak budaya mereka. Justeru, timbul tindakan-tindakan yang menekan dan menindas OMIP kerana tanggapan kerajaan Thailand yang menyatakan bahawa OMIP tidak mengikut perkara-perkara yang baik yang ditetapkan dalam budaya Thai-Buddha. Manakala OMIP melihat tindakan kerajaan Thailand adalah sebaliknya yang mana budaya dan identiti Melayu-Islam tidak dihormati dan timbul pemaksaan untuk meninggalkan identiti dan budaya mereka. Melihat keadaan ini, budaya dan identiti Melayu-Islam mempunyai pendekatannya tersendiri terutamanya

ketika berhadapan dengan pemaksaan yang membawa kepada penghapusan identiti mereka. Oleh itu, kesalahfahaman budaya dan identiti yang berlaku antara kedua pihak ini merupakan punca kepada konflik yang berpanjangan. Mereka saling menilai berdasarkan kaca mata budaya masing-masing di antara satu sama lain. Maka, tidak akan wujud titik pertemuan atau kesamaan dalam budaya yang berbeza yang boleh membawa kepada kompromi. Manakala transformasi isu wujud apabila isu kemerdekaan telah bertukar kepada isu identiti dan budaya yang mana ia semakin merumitkan keadaan konflik.

Perbezaan budaya dan identiti yang membawa kepada konflik ini secara tidak langsung akan mengakibatkan transformasi struktur masyarakat di selatan Thailand. Dari segi perhubungan, didapati tiada saluran-saluran yang jelas untuk OMIP meluahkan masalah mereka. Apa yang ada adalah tindak balas OMIP yang melakukan demonstrasi dan juga perjuangan bersenjata sebagai mekanisme untuk menekan kerajaan Thailand untuk menghormati kehendak mereka. Jaringan komunikasi juga terbatas walaupun demokrasi diamalkan di Thailand. Penubuhan institusi seperti SBPAC yang berperanan sebagai tempat meluahkan masalah OMIP tidak berfungsi sepenuhnya kerana pegawai pelaksana yang terdiri daripada orang Thai tidak ikhlas untuk membantu akibat daripada kekangan perbezaan budaya dan identiti yang masih terpahat di pemikiran mereka. Unsur-unsur seperti etnosentrisme, prejudis dan stereotaip masih lagi menjadi halangan kepada keikhlasan untuk membawa perdamaian di selatan Thailand.

Dari segi survival OMIP dalam berhadapan dengan tekanan kerajaan Thailand, mereka bersatu di bawah payung kesamaan identiti dan budaya dalam proses menyesuaikan diri dengan kedinamika konflik. Perubahan yang dibawa diketuai oleh pemimpin-pemimpin seperti imam-imam dan ustaz-ustaz khususnya di sekolah-sekolah agama dan pondok untuk menerapkan nilai-nilai keMelayuan terhadap anak-anak mereka. Walaupun dasar tidak membenarkan mereka mengamal budaya Melayu namun mereka masih lagi mencari alternatif untuk mempertahankan budaya dan identiti mereka. Selain daripada berjuang melalui persenjataan, mereka mengajar anak-anak sama ada di rumah mahupun di sekolah tadika dan pondok tentang budaya Melayu.

Dari segi kuasa, OMIP mulai bergerak mengenalpasti sumber-sumber kuasa yang boleh meningkatkan keupayaan mereka melawan kerajaan Thailand. Antaranya melalui gerakan pemisah, mereka cuba melobi pertubuhan antarabangsa seperti OIC untuk menekan kerajaan Thailand supaya memberi kebebasan untuk mengamal budaya dan identiti mereka secara total. Mereka tidak mahu dipanggil sebagai Thai-Muslim tetapi sebaliknya ingin mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Thailand dengan gelaran Melayu-Muslim. Bagi urusan dalaman, OMIP mulai membentuk jaringan hubungan antara satu sama lain bagi memperkukuhkan kedudukan mereka sebagai orang Melayu di selatan Thailand. Usaha ini juga merupakan sumber kuasa yang boleh dicapai. Antara usaha yang dijalankan ialah seperti penubuhan Lembaga Mempertahan

Hukum Syariah oleh Haji Sulong dan GEMPAR yang ditubuhkan oleh gabungan pemimpin Melayu di selatan Thailand dan juga Tanah Melayu. Justeru, hasil usaha yang dijalankan telah mendatangkan kejayaan walaupun tidak sepenuhnya. Kerajaan Thailand mulai memberi kelonggaran kepada OMIP untuk mengamalkan identiti dan budaya mereka. Dari segi agama, hari ini didapati banyak masjid dan surau dibina di tiga wilayah itu dan membenarkan laungan azan serta mengadakan upacara agama Islam. Manakala di sekolah-sekolah, anak-anak Melayu dibenarkan memakai tudung atau menutup aurat bagi wanita dan lelaki. Di peringkat universiti, ditubuhkan pengajian Melayu dan membenarkan bahasa Melayu digunakan di sekolah agama dan pondok. Nama-nama Melayu yang dahulunya telah diThaikan kini boleh dikembalikan kepada nama yang berteraskan Melayu-Islam.

Kesimpulan

‘Survival’ orang Melayu di selatan Thailand mengalami pelbagai cabaran setelah kerajaan Thailand menggunakan pendekatan asimilasi. Namun, OMIP masih lagi boleh bertahan sehingga ke hari ini walaupun terdapat beberapa perkara yang telah terhakis dalam budaya dan identiti mereka. Antara yang telah terhakis seperti bahasa yang mana ramai golongan muda hari ini di tiga wilayah tidak lagi suka menggunakan bahasa Melayu dan sesetengahnya tidak lagi boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Mereka lebih gemar menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertuturan harian. Semua ini adalah disebabkan oleh ketidakfahaman budaya oleh kerajaan Thailand sehingga membawa kepada rasa tidak hormat terhadap budaya lain. Selain itu, konflik yang berpanjangan juga disebabkan oleh berlaku transformasi dari isu wilayah (kemerdekaan) kepada isu identiti dan budaya yang sememangnya sukar diselesaikan. Hal ini kerana identiti dan budaya merupakan nilai sesuatu bangsa yang tidak boleh dikompromi. Jika, konflik ini dikembalikan semula kepada isu wilayah, maka ia boleh diselesaikan kerana boleh dikompromi atau dibahagi-bahagikan. Justeru, perlu ada mekanisme tertentu untuk memastikan keadaan ini dapat diubah kembali supaya mencapai isu yang boleh diselesaikan.

Nota Akhir

1. Patani merujuk kepada sebuah negeri Melayu yang telah dijajah oleh kerajaan Siam pada tahun 1786. Negeri ini pada masa kini telah dipecahkan kepada tiga wilayah di selatan Thailand, iaitu wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan beberapa daerah dalam wilayah Songkhla. Penggunaan nama konflik Patani dalam artikel ini merujuk kepada negeri Patani yang wujud sebelum dijajah dan bukannya kepada wilayah Patani yang ada sekarang. Penggunaan nama konflik Patani juga dirasakan tepat berbanding nama konflik selatan Thailand

kerana selatan Thailand meliputi banyak wilayah serta tidak semua wilayah di selatan Thailand mengalami konflik.

2. Wilayah-wilayah ini terdiri daripada Patani, Yala, Narathiwat dan daerah-daerah seperti Sa Ba Yoi dan Thepha dalam wilayah Songkhla.
3. Kota pentadbirannya dipercayai terletak di daerah Ligor, sekarang dikenali sebagai Nakhorn Srithammarat.
4. Kemenangan Seri Wijaya ke atas Langkasuka ini dikaitkan dengan kewujudan negeri Patani. Sang Jaya Bangsa yang menerajui kerajaan Seri Wijaya telah mengalih kota pentadbiran ke tempat yang subur. Menurut *Tarikh Patani*, kerajaan Seri Wijaya telah memindah kota pentadbirannya ke kawasan yang dikenali sebagai Tuk Tani. Kawasan ini sangat subur untuk pertanian di samping berhampiran dengan laut. Penduduk tempatan menggelar kawasan ini sebagai Pak Tani. Lama kelamaan panggilan tersebut telah bertukar kepada Patani.
5. Untuk memahami secara mendalam aturcara adat-adat dan kepercayaan yang dinyatakan ini, sila lihat Mohd Zamberi A. Malek (1994:193-234).
6. Dalam buku ini disenaraikan 26 sumber kuasa, tetapi artikel ini hanya mengambil enam sumber sahaja yang dikira relevan dengan kes kajian. Antara yang tidak dibincangkan dalam teori ini ialah kelestarian, lokasi, kompetensi, wang, moraliti, struktur, tradisi, komunikasi, pengetahuan, kemitraan, informasi, otoriti, posisi, legitimasi, pengalaman, sejarah, kredibiliti, sistem, tindak balas dan keamanan.
7. Dalam buku tersebut, beliau menghuraikan peranan budaya dan agama menjadi sumber asas kepada meraih sokongan dan pengikut khususnya dalam perjuangan pemisahan. Selain itu, dinyatakan dilema individu dalam kelompok minoriti tersebut untuk menyokong atau sebaliknya kerana dalam agama dan budaya telah menentukan prasyarat yang perlu diikuti dan dipatuhi. Sekiranya tidak mengikut kemungkinan risikonya amat tinggi yang mana mereka akan dipulau atau dihalau oleh kelompoknya sendiri. Walaupun begitu, tidak semestinya agama dan budaya sahaja yang dijadikan asas untuk mendapatkan pengikut malahan terdapat elemen-elemen lain seperti politik, sosial, ekonomi, ketidakadilan, hak asasi manusia, keperluan manusia dan identiti. Daripada kenyataan ini, beliau menyimpulkan bahawa tindakan seperti inilah yang menjadi punca kepada konflik dan penyebab kepada berterusannya konflik itu. Terdapat juga huraian beliau tentang peranan agama dan budaya dijadikan pembantu kepada mencapai perdamaian di samping kaedah-kaedah lain.
8. Pelantikan Raja Perempuan ini disebabkan Sultan Bahadur yang dibunuh oleh kekandanya Raja Bima akibat hasad dengki tidak mempunyai zuriat lelaki selain mempunyai tiga anak perempuan.

Maka, kerajaan Patani mengambil keputusan untuk melantik Raja Hijau selaku anakanda yang sulung menjadi Raja Patani. Setelah kemangkatan Raja Hijau, Patani diganti oleh adiknya Raja Biru dan berterusan sehingga ke Raja Kuning. Pergantian ke empat-empat Raja Perempuan ini disebabkan sepanjang pemerintahan, keempat-empat mereka tidak melahirkan zuriat lelaki.

9. Revolusi pada tahun 1932 merupakan peristiwa rampasan kuasa terhadap pemerintahan aristokrasi dan ditukar kepada pemerintahan golongan rakyat melalui sistem demokrasi.
10. Haji Sulong sememangnya sinonim dengan perjuangan Melayu di selatan Thailand sekitar tahun 1930-an hingga 40-an. Beliau merupakan ulamak terbesar di Patani yang dilahirkan di kampung Anak Ru, Patani pada 1895. Beliau pada awalnya mendapat pendidikan di sekolah pondok di kampung Bandar, Sungai Pandan, Patani meneruskan pengajian agamanya ke peringkat tinggi di Mekah, Arab Saudi. Setelah pulang ke Patani, beliau telah membina Madrasah al-Maarif al-Wataniah di bandar wilayah Patani. Beliau mendapat kepercayaan dan pengaruh daripada OMIP setelah bangkit berjuang menentang dasar Rathaniyom yang mengasimilasikan bangsa Melayu di Patani.
11. Tengku Mahmud Mahyideen merupakan putera kepada Tengku Abdul Kadir, raja Melayu Patani yang terakhir yang melarikan diri ke Kelantan. Beliau dilahirkan di Patani pada 1905 dan menerima pendidikan awal di Bangkok sebelum melanjutkan pelajarannya ke *Penang Free School* di Pulau Pinang. Beliau mulai berkhidmat dalam pentadbiran awam pada 1933 dengan memegang jawatan sebagai Superintendent Education Officer di Kota Bharu, Kelantan. Pada 1942, beliau dikaitkan dengan perjuangan Patani apabila menyertai pasukan tentera British yang berpangkalan di India. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Mejar dan memimpin Force 136 bagi menentang Jepun.
12. Temu bual dengan Abu Daud Alikontor, ahli Runda Kumpulan Kecil (RKK), pada 10 Julai 2006, bertempat di Pattani, Thailand. Informan bukan nama sebenar atas dasar keselamatan.
13. The Universal Declaration of Human Rights. Atas talian. <http://www.un.org/en/documents/udhr> (2 Julai 2010).
14. Perkataan Zionis digunakan sebagai perbandingan tingkah laku kerajaan Thailand di selatan Thailand kerana menghina, merosak dan menzalimi OMIP dengan tingkah laku rejim Yahudi ke atas rakyat Palestin. Selain itu, untuk menggambarkan suasana tingkah laku zalim yang musuh Islam terhadap umat Islam. Selalunya umat Islam melabelkan Zionis sebagai musuh yang zalim dan kejam terhadap umat Islam.

15. Patani United Liberation Organization (PULO) Official Website. Atas talian. <http://www.puloinfo.net> (2 Julai 2010).
16. Adakah lawatan Dato' Seri Najib ke Thailand akan membawa sebarang perubahan? 2009. Atas talian. <http://www.patanipost.com/BM091206.html> (13 November 2010).
17. PULO President invited to speak at OIC Meeting 18-19 April 2009. 2009. Atas talian. <http://www.patanipost.com/OIC090419.html> (13 November 2010).
18. Resolutions on Muslim Communities and Minorities in Non-OIC Member States Adopted by the Thirty-Fifth Session of the Council of Foreign Minister (Session of Prosperity and Development). (2009). [Online]. [Akses: 11 November 2010]. <http://www.patanipost.com/OicResolution.html>
19. Temu bual dengan Salhi Awae, pegawai penyelidik Research Center for Peace Building, Mahidol University, pada 10 November 2010. Temu bual diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Informan bukan nama sebenar kerana atas alasan keselamatan
20. Temu bual dengan Nik Anuar Raden Ahmad, penduduk wilayah Yala, pada 7 November 2010. Bertempat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Rujukan

- Al-Fatani, A.F. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Chidchanok, R. 2001. *Peace resolution: a case study of separatism and terrorist movement in southern border provinces of Thailand*. Atas talian. <http://www.geocities.com/bluesing2001/media/peaceresolution.htm> (2 Ogos 2010).
- Danial, M. 2004. Konflik selatan Thailand dan transformasi sosial. Pembentangan Kertas Kerja Sempena Minggu Perdamaian Universiti Sains Malaysia Ke-3. Pada 14 Disember 2004. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Farish A.N. 2004. *Sejarah Patani yang tidak tercatat*. Atas talian. <http://www.geocities.com.ummahonline/kolum/farish/040512farish-patani.htm> (2 Ogos 2012).
- Fisher, S. Dekha Ibrahim, Jawed Ludin, Smith, R., Williams, S. & Williams, S. 2001. *Mengelola konflik : ketrampilan & strategi untuk bertindak*. Terj. S.N. Karikasari, Meiske D. Tapilatu, Rita Maharani dan Dwiati Novita Rini. Jakarta: British Council, SMK Grafika Desa Putra.
- Jitpiromsri, S. 2010. *Sixth year of the southern fire: dynamic of insurgency and formation of the new imagined violence*. Atas talian. <http://www.deepsouthwatch.org/node/730> (13 Julai 2010).

- Kamarulzaman Askandar. 2006. *Budaya perdamaian budaya kita*. Research and Education for Peace Unit and Southeast Asian Conflict Studies Network, Pulau Pinang.
- K. Ramanathan. 1992. *Asas Sains Politik*. (Edisi Kedua). Shah Alam: Fajar Bakti.
- McCargo, D. 2009. *Tearing apart the land: Islam and legitimacy in southern Thailand*. Singapore: NUS Press.
- Mohd Zamberi A. Malek. 1993. *Umat Islam Patani: sejarah dan politik*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohd Zamberi A. Malek. 1994. *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Zamberi A. Malek. 2006. *Pensejarahan Patani*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miall, H. 2001. *Conflict transformation: a Multi-dimensional task*. Atas talian. http://www.inglewhite.net/pfp/pdfpapers/p2-miall_handbook.pdf (28 November 2009).
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2008. *The Malay of Patani: the search for security and independence*. Bangi: UKM.
- Nirwana, F. 2008. *Sejarah nasional hak asasi manusia*. Atas talian. <http://farah-web.blogspot.com/2008/01/sejarah-nasional-hak-asasi-manusia.html> (21 Ogos 2010).
- Sheehan, J.J. 1934. *VIIIth century visitor to the Malay Peninsular*. JMBRAS 12.
- Syukri, I. 1958. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Cetakan semula 2002. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vayrynen, R. 1991. *New direction in conflict theory: conflict resolution and conflict transformation*. London. Sage Publication.
- Yaacob, C.M.A. 2009. *Konflik pemisah di selatan Thailand: isu, aktor dan penyelesaian*. Tesis M.A., Universiti Sains Malaysia

Laman Sesawang

- Adakah lawatan Dato' Seri Najib ke Thailand akan membawa sebarang perubahan? 2009. Atas talian. <http://www.patanipost.com/BM091206.html> (13 November 2010).
- Patani United Liberation Organization (PULO) Official Website. Atas talian. <http://www.puloinfo.net> (2 Julai 2010).
- PULO President invited to speak at OIC Meeting 18-19 April 2009. 2009. Atas talian. <http://www.patanipost.com/OIC090419.html> (13 November 2010).
- Resolutions on Muslim Communities and Minorities in Non-OIC Member States adopted by the Thirty-Fifth Session of the Council of Foreign Minister (Session of Prosperity and Development). Atas talian. <http://>

www.patanipost.com/OicResolution.html (11 November 2010).

The Universal Declaration of Human Rights. Atas talian. <http://www.un.org/en/documents/udhr> (2 Julai 2010).

Nota Biografi

Che Mohd Aziz Yaacob merupakan Penyelaras Program Perdamaian Patani di Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian (REPUSM), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Antara bidang penyelidikan yang dijalankan termasuk kegiatan Pembinaan Perdamaian di Patani merangkumi pembinaan hubungan konstruktif dengan Pergerakan Pembebasan Patani, pembinaan keupayaan dan Pembinaan Perdamaian di kalangan masyarakat sivil. Beliau menamatkan pengajian ijazah Sarjana dalam bidang Konflik dan Perdamaian di bawah Pengajian Sains Politik di Universiti Sains Malaysia. Pada saat ini beliau juga merupakan calon Doktor Falsafah (Ph.D) di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dalam bidang yang sama. Kajian Ph.D yang dijalankan adalah menumpukan kepada transformasi gerakan pemisah dan potensi kepada penyelesaian konflik di selatan Thailand [e-mel: drconflict@yahoo.com].